

16 OCT 2000

TEROKA-LANCAR

PERTANDINGAN PERANCANGAN PERNIAGAAN PERTAMA M'SIA AKAN DILANCAR BULAN DEPAN

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Venture 2001, satu pertandingan perancangan untuk memupuk dan mengembangkan usahawan-usahawan Malaysia dalam sektor-sektor teknologi maklumat (IT), Internet dan e-dagang, akan dilancarkan bulan depan.

Pertandingan perancangan perniagaan yang pertama seumpamanya ini di negara ini, dianjurkan oleh MESDAQ (Bursa Urusniaga Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia), McKinsey & Company, Malaysia dan Institut Pengurusan Malaysia.

"Venture 2001 berusaha untuk memangkin satu persekitaran keusahawanan dengan mengumpul ide, bakat dan modal," kata presiden MESDAQ Abdullah Abdul Hamid dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sekutu utama McKinsey & Company Dr Nikolai Dobberstein berkata Venture 2001 akan mengadakan sokongan dan bantuan kepada para peserta yang ide-ide mereka disaring.

"Mereka akan mempunyai peluang untuk berangkai dengan usahawan-usahawan dan pengurus-pengurus profesional yang telah kukuh untuk membina dan meluaskan ide-ide mereka menjadi usaha-usaha yang berjaya," tambahnya.

Pertandingan itu, yang akan diadakan dalam tiga peringkat dan berakhir pada Mei 2001, terbuka kepada semua usahawan, profesional dan pelajar-pelajar di seluruh negara yang mahu menukar ide-ide mereka menjadi usaha sebenar secara percuma.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah penaung Venture 2001 sementara Lembaga Penasihat akan termasuk ketua-ketua pegawai eksekutif terpilih, usahawan-usahawan Internet terkemuka dan para ahli akademik terkenal dan ketua-ketua industri.

Venture 2001 dicontohi daripada beberapa banyak pertandingan perancangan perniagaan yang berjaya yang diadakan di seluruh dunia termasuk Jerman, Belanda, Afrika Selatan, India dan Singapura.

Satu inisiatif Jerman sebelum ini menghasilkan penubuhan 30 syarikat dan mengumpul lebih daripada RM250 juta tabung modal teroka manakala pertandingan di India mengumpul lebih daripada RM75 juta bagi 15 ide perniagaan terbaik.

-- BERNAMA

MOT FR OS